

MODEL KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ISLAM DI MALAYSIA

DAYANA BALQIS OTHMAN

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia
dayanabalqis12@gmail.com

MUHAMMAD HUSSIN

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia
banting99@hotmail.com

ABSTRAK

Kurikulum dan pendidikan merupakan dua konsep yang berbeza. Kurikulum pendidikan di Malaysia bertujuan untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dari segi sahsiah dan akademik. Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang cergas, mempertingkatkan daya saing dan kualiti hidup penduduk sesebuah negara. Pendidikan ekonomi Islam merupakan mata pelajaran yang menggabungkan ekonomi dan agama Islam. Kertas konsep ini bertujuan membincangkan tentang model kurikulum yang sesuai untuk digunakan dalam mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam di pelbagai peringkat. Perbincangan ini merangkumi konsep model kurikulum secara umum serta cadangan kerangka konseptual. Terdapat tiga model yang sesuai digunakan di dalam mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam, antaranya adalah model kurikulum akademik yang mengandungi tiga komponen yang penting bagi melaksanakan kurikulum dalam pendidikan iaitu *correlated curriculum*, *unified* atau *concentrated curriculum* dan *integrated curriculum*. Seterusnya model kurikulum teknologi pula mengandungi aspek perancangan implementasi kurikulum dengan pendekatan sistem serta pembangunan modal insan secara berterusan. Akhir sekali adalah model kurikulum pembinaan semua sosial yang mengandungi tiga komponen penting iaitu andaian, masalah-masalah sosial dan corak organisasi. Kertas konsep ini juga mencadangkan agar ketiga-tiga model kurikulum ini perlu diberi perhatian dan mempunyai hala tuju dalam pembentukan kurikulum pendidikan terutamanya bagi mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam.

Kata kunci: Model kurikulum, pendidikan, ekonomi Islam

PENGENALAN

Kurikulum adalah aktiviti yang melibatkan keseluruhan yang ada di dalam sesuatu bidang pendidikan yang berperanan holistik dan kurikulum ini juga melibatkan semua pihak. Sistem pendidikan di Malaysia berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memfokuskan kepada aspek perkembangan emosi pelajar secara menyeluruh serta menekankan aspek jasmani, rohani dan intelek. Falsafah sangat penting untuk menghasilkan individu yang berketerampilan dan holistik dalam segala bidang serta mampu mengharungi rintangan dalam menuju wawasan negara.

Kurikulum pendidikan di Malaysia adalah untuk membina dan menghasilkan modal insan yang berkualiti dari aspek akademik serta sahsiah. Pendidikan mempunyai peranan yang amat penting untuk menghasilkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang efektif serta meningkatkan kualiti hidup penduduk bagi sesebuah negara. Pendekatan melahirkan insan yang mampu menjana pembelajaran sepanjang hayat amat penting bagi proses pendidikan yang berlaku secara berterusan ke arah melahirkan individu yang dapat mengadaptasikan diri dengan pelbagai norma yang mencabar seperti situasi perubahan ekonomi, perubahan aplikasi teknologi dan komunikasi.

Pendidikan ekonomi dilihat mempunyai peranan untuk menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan di dalam pelbagai sektor. Anggaran lebih 60 peratus siswazah yang lulusan ekonomi atau bidang ekonomi diterima dalam pasaran pekerjaan di institusi kewangan (Lin & Awang, 1991). Terdapat 8.5 peratus eksekutif yang memperoleh didikan formal dalam bidang ekonomi melakukan kerja-kerja berkaitan ekonomi di syarikat-syarikat yang hampir semuanya yang tersenarai di BSKL (Mohamed et., al, 1997). Oleh demikian, kurikulum dan pendidikan memainkan peranan penting dalam kandungan mata pelajaran sesuatu subjek bagi melahirkan produktiviti yang berkualiti dan menjana pertumbuhan ekonomi dan seterusnya pembangunan negara.

KAJIAN LITERATUR

Ekonomi Islam

Ekonomi dan agama merupakan antara dua pembolehubah yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Dalam Islam, perbandingan nilai ditentukan oleh kelakuan ekonomi. Definisi ekonomi Islam adalah berpegang kepada pegangan dan kepercayaan bahawa rezeki yang dilimpahkan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini adalah cukup untuk keseluruhan makhluk-Nya. Oleh demikian, sifat seperti sentiasa pentingkan diri sendiri atau tamak tidak perlu ada pada seseorang individu. Manan (1980) beranggapan bahawa ekonomi Islam merupakan ilmu sains sosial yang mengkaji masalah ekonomi yang bersandarkan pada nilai Islam.

Menurut Hamzah dan Shahbari (1982) ekonomi Islam ini merupakan satu ilmu wasilah (alat) yang diguna pakai oleh individu untuk memenuhi semua permintaan dan manakala komuniti sesuai pada peraturan syariat. Seterusnya, menurut Akhram Khan (1984) ekonomi Islam ditakrifkan sebagai satu kajian al-falah manusia melalui pengurusan sumber alam yang berasaskan kesepakatan dan penyertaan. Di samping itu, Hasnuzzaman (1984) menjelaskan bahawa ekonomi Islam merupakan ilmu pengetahuan dan seterusnya penggunaan perintah dan peraturan syariat untuk melindungi ketidakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli bagi tujuan memenuhi kepuasan manusia dan membolehkan mereka melakukan tanggungjawab kepada Allah SWT dan komuniti .

Masudul Alam Choudhury (1986) mentakrifkan bahawa ekonomi Islam merupakan kajian sejarah, empirik dan teori bagi menganalisis segala keperluan manusia dan masyarakat berdasarkan panduan dalam sistem nilai Islam. Hasan (1990) menjelaskan bahawa ekonomi Islam sebagai ilmu yang mengkaji aktiviti manusia yang selari dengan kehendak syariat, dari segi memperoleh, penggunaan atau mengurus sumber alam untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan, kerohanian demi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Secara kesimpulannya, ekonomi Islam merupakan suatu keupayaan yang sistematik bagi memahami masalah ekonomi dan perilaku masyarakat.

Pendidikan

Konsep pendidikan dianggap sebagai definisi atau dianalogikan dengan pelbagai maksud seperti proses perkembangan potensi individu, proses latihan dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan (1992) bagi mendapatkan takrif pendidikan yang sesuai atau tepat begitu sukar kerana pendidikan berdasarkan kepada kaum, komuniti dan sesuatu tempat pendidikan digunakan. Dari sudut estimologi, pendidikan merupakan dari perkataan latin yang bermaksud mendidik, mengasuh, memelihara, membimbing atau latihan. Menurut Plato (427 SM) menyatakan pendidikan sebagai satu proses mengenali keupayaan semulajadi seseorang dan seterusnya menjadi individu yang cemerlang terhadap masyarakat dan negara. Bagi Socrates (470 SM) pendidikan merupakan usaha untuk merangsang pemikiran yang intelektual dan menguatkan mental untuk meningkatkan dan mendapatkan pengetahuan. Menurut Al-Attas (1980), beliau menyatakan bahawa pendidikan adalah suatu proses penitisan ilmu pengetahuan ke dalam diri.

Di samping itu, pendidikan dibahagi kepada tiga komponen iaitu pendidikan formal, pendidikan tidak formal dan pendidikan informal. Menurut Grajcevcic & Shala (2016) pendidikan formal merupakan pembelajaran yang berstruktur yang telah distrukturkan oleh pentadbiran undang-undang yang tertakluk pada objektif dan matlamat kurikulum. Seterusnya, bagi pendidikan bukan formal menurut Reddy (2003), menyatakan bahawa pembelajaran bukan formal terdiri daripada aktiviti di luar tetapan pembelajaran formal yang dicirikan oleh sukarela berbanding dengan penyertaan. Pendidikan informal pula menurut Marsick & Watkins (1990), pendidikan informal dilihat sebagai perkembangan individu melalui interaksi dengan orang lain.

Pendidikan amat penting dalam menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang pesat, mempertingkatkan daya saing dan kualiti hidup masyarakat dalam sesebuah negara. Menurut Schultz (1988) menyatakan bahawa dengan menggunakan pendekatan kadar pulangan dan teori modal manusia, menunjukkan bahawa pendidikan mampu meningkatkan produktiviti dan pendapatan individu dan seterusnya mendorong kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Menurut Pencavel (1991) model pertumbuhan ekonomi makro menyatakan mengenai sumbangan serta kepentingan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Seterusnya, pendidikan juga mempunyai impak yang amat besar terhadap agihan pendapatan. Menurut Rahmah (1987), beliau menyatakan bahawa pencapaian pendidikan adalah antara perkara penting yang dapat menentukan pendapatan antara kaum dan jantina

Kurikulum

Kurikulum merupakan suatu dokumen amat penting yang mengandungi segala perancangan pengajaran dan pembelajaran atau ringkasannya pada ketika ini adalah PdPc. Terdapat juga definisi yang menyatakan bahawa kurikulum sebagai satu plan pendidikan yang terkandung seluruh ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan komuniti supaya diwariskan kepada generasi ke generasi seterusnya. Menurut Tyler (1949), beliau menyatakan bahawa kurikulum merupakan keseluruhan pembelajaran yang diarah, dirancang, dikelola & dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan.

Smith et al., (1957) menghuraikan bahawa kurikulum adalah satu sukatan pengajaran yang disediakan di sekolah bertujuan mendisiplinkan pelajar dalam pelbagai cara berfikir dan bertindak secara kelompok. Di samping itu, Kerr (1968) menyatakan kurikulum adalah semua pembelajaran yang telah dirancang dan dikelola oleh sekolah sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Olivia (1992) pula menjelaskan bahawa kurikulum merupakan plan atau program bagi segala pembelajaran di bawah bimbingan sekolah. Seterusnya, Omstein dan Hankins (1993) menyatakan kurikulum didefinisikan sebagai satu rancangan untuk perlaksanaan satu dokumen bertulis yang terkandung strategi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut

Mohd Daud (1995), beliau menjelaskan definisi kurikulum merupakan unsur budaya atau ilmu pengetahuan bagi panduan guru mengajar kumpulan murid tertentu.

Abawihda (2002) menyatakan bahawa kurikulum adalah komponen paling utama yang digunakan untuk rujukan bagi menentukan kandungan pengajaran, proses pendidikan, mengukur kejayaan dan kualiti hasil pendidikan. Sukmadinata (2005) dan Nur Ahid (2006) pula menjelaskan bahawa terdapat tiga model kurikulum yang harus diberi perhatian dan penekanan. Tiga model kurikulum itu adalah model kurikulum akademik, model kurikulum teknologi dan model kurikulum pembinaan semula sosial. Bagi Indah Piliyanti (2012) kurikulum merupakan instrumen untuk mengukur tahap keupayaan pelajar.

Model Kurikulum Akademik

Model kurikulum akademik merupakan model yang pertama dan tertua yang digunakan. Kurikulum akademik diperoleh berdasarkan pendidikan klasik iaitu perenialisme dan essentialisme. Kurikulum ini mengutamakan kandungan pendidikan dan proses pembelajaran dipilih bergantung pada aspek yang penting dalam subjek. Menurut Nasution (1982) menyatakan model kurikulum akademik ini mestilah berasaskan pemahaman asas yang diterima daripada prinsip asas yang memberikan struktur saintifik.

Nur Ahid (2006) menekankan bahawa model kurikulum ini mengutamakan kandungan pendidikan. Beliau juga menjelaskan bahawa guru berperanan dalam menyampaikan bahan pengajaran dan mesti menguasai semua pengetahuan dalam kurikulum. Di samping itu, di dalam kajian beliau menyatakan model kurikulum akademik terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam perkembangan kurikulum akademik iaitu yang pertama adalah pendekatan struktur pengetahuan, kedua adalah pembelajaran yang bersifat integratif dan yang ketiga adalah pendekatan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah peringkat awal.

Terdapat tiga komponen penting yang terkandung di dalam model kurikulum akademik, antaranya ialah *correlated curriculum*, *unified* atau *concentrated curriculum*, dan *integrated curriculum*. Bagi komponen pertama dalam model kurikulum akademik adalah *correlated curriculum* dimana komponen ini menerangkan berkaitan dengan konsep yang dipelajari dalam suatu pelajaran diselarikan dengan subjek-subjek lain. Komponen ini sangat sesuai digunakan dalam melibatkan sesuatu perkara yang dipelajari dikaitkan dengan pelajaran yang dipelajari sebagai mengukuhkan lagi konsep pengetahuan yang difahami. Seterusnya, komponen kedua yang terdapat dalam model tersebut adalah *unified* atau *concentrated curriculum* yang menerangkan mengenai bahan pembelajaran yang tersusun dalam tema-tema pelajaran tertentu. Ini membantu pengajar untuk memudahkan sesi pengajaran dan mendisiplinkan pengajar untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar.

Bagi komponen terakhir yang terkandung di dalam model kurikulum akademik ini adalah *integrated curriculum* yang menerangkan mengenai bahan mengajar diintegrasikan ke dalam bentuk persoalan dan kegiatan. Integrasi memberikan tumpuan kepada pelajar yang membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang relevan dan bermakna. Manfaat dari menggunakan *integrated curriculum* ini memberikan tumpuan kepada kemahiran asas, kandungan dan pemikiran yang lebih tinggi. Selain itu, ianya juga memberikan pemahaman kandungan yang lebih mendalam dan menggalakkan penyertaan aktif dalam pengalaman kehidupan sebenar yang relevan dan seterusnya menyediakan hubungan antara pelbagai disiplin kurikulum. Ketiga-tiga komponen yang terkandung di dalam model tersebut sangat penting dalam dalam menjayakan pelaksanaan kurikulum dalam pendidikan.

Model Kurikulum Teknologi

Penerapan teknologi dalam kurikulum pendidikan meliputi dua bentuk iaitu *software* dan *hardware*. Teknologi pendidikan menekankan penyediaan program atau rancangan pengajaran yang menggunakan sistem. Model kurikulum teknologi menyediakan asas saintifik dan

empirikal untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sukmadinata (2005) menyatakan terdapat hubungan yang positif antara ilmu pengetahuan dan teknologi. Selain itu, beliau berpendapat bahawa kepesatan teknologi memberi impak yang besar terhadap perkembangan model konsep kurikulum. Penggunaan model kurikulum ini bersifat lebih *up to date* dan dikembangkan berdasarkan pemikiran teknologi pendidikan.

Menurut Nur Ahid (2006) model kurikulum teknologi merupakan proses teknologi bagi menjana keperluan tenaga yang mampu membuat keputusan. Beliau juga berpandangan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan menekankan penggunaan alat teknologi bagi menyokong kecekapan dan keberkesanan pendidikan. Muhammad Nidzam Yaakob (2017) menjelaskan bahawa kebanyakan pengkaji lebih memberikan tumpuan kepada fungsi digital alat mudah alih berbanding pedagogi mudah alih. Beliau membuat kajian mengenai pelaksanaan kurikulum m-pembelajaran di Institusi Pendidikan Guru di Malaysia yang dilihat seiring dengan keperluan pendidikan semasa.

Model kurikulum teknologi mengandungi kandungan tentang perancangan implementasi kurikulum dengan pendekatan sistem. Komponen tersebut mengandungi program pengajaran teknologi yang menekankan kecekapan dan keberkesannya. Di samping itu, komponen yang terkandung ini menyatakan tahap penguasaan pelajar dalam piawai yang konvensional jauh lebih tinggi berbanding dengan model lain. Perancangan implementasi kurikulum dengan pendekatan sistem menjadikan program yang lebih berstruktur seperti mengajar dengan menggunakan bantuan video yang dilengkapi dengan sistem maklum balas dan panduan tetap yang boleh mempercepatkan dan meningkatkan penguasaan pelajar.

Selain itu, komponen yang terkandung di dalam model kurikulum teknologi ini juga menitikberatkan mengenai soal kepentingan terhadap penggunaan teknologi. Teknologi kini tidak hanya tertumpu pada sektor industri sahaja malah di dalam dunia pendidikan juga teknologi memainkan peranan penting selaras dengan peredaran semasa. Model kurikulum teknologi menerangkan pendidik lebih inovasi dalam PdPc dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti menggunakan pendekatan pembelajaran dan strategi penggunaan bahan bantuan mengajar sebagai contohnya *Project Based Learning* (PBL). Di samping itu, model ini juga menyatakan kualiti pengajaran dan pembelajaran akan lebih efektif disebabkan oleh informasi diperoleh terus di dalam sistem.

Penggunaan model kurikulum ini dapat menghasilkan pembangunan modal insan secara berterusan. Tumpuan pembangunan modal insan ini memberi kesan positif dalam membantu menghasilkan pelajar yang lebih seimbang dan bersedia untuk menempuh alam pekerjaan. Dengan memasuki komponen pembangunan modal insan dalam kurikulum teknologi, ianya meningkatkan lagi kualiti untuk melahirkan pelajar yang berintelektual dan mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh yang demikian, model kurikulum teknologi kini lebih diutamakan dan digunakan dalam pendidikan bagi menjamin kualiti silibus pembelajaran.

Model Kurikulum Pembinaan Semula Sosial

Salah satu model kurikulum yang perlu dinitikberatkan adalah kurikulum pembinaan semula sosial. Kurikulum ini didefinisikan sebagai model kurikulum yang lebih memusatkan perhatian kepada permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat. Menurut Nur Ahid (2006) menyatakan bahawa model kurikulum pembinaan semula sosial ini mengemuka pendidikan bukanlah hanya pada keupayaan diri sendiri tetapi merupakan aktiviti bersama, komunikasi dan kerjasama. Seterusnya beliau juga menyatakan lagi bahawa kurikulum ini memberi impak yang besar serta hasil baru kepada seluruh komuniti dan kebudayaan.

Adnyana et al., (2013) menyatakan bahawa model kurikulum pembinaan semula sosial memberi pengaruh dalam keterampilan berfikir secara inovatif dan pemahaman konsep. Penggunaan dan penerapan model ini menunjukkan bahawa keterampilan berfikir secara

kreatif pelajar dengan model kurikulum pembinaan semula sosial lebih signifikan dan menunjukkan terdapat hubungan positif bagi kedua-dua pembolehubah itu. Taufiqurrahman (2015) pula menjelaskan model kurikulum ini merupakan satu aktiviti bagi penyusunan semula nilai-nilai kebudayaan untuk menjaga nilai kandungan mata pelajaran tempatan. Menurut Syahrul Mubaroq (2018) model kurikulum pembinaan semula sosial memberi tumpuan kepada permasalahan yang ada dalam masyarakat dan kurikulum ini merujuk kepada aliran pendidikan interaksi yang membantu pembentukan sebuah masyarakat yang lebih baik.


Terdapat tiga komponen penting yang terkandung di dalam model kurikulum pembinaan semula iaitu andaian, masalah-masalah sosial dan corak organisasi. Komponen yang pertama yang terdapat dalam model ini adalah andaian dimana ianya merupakan objektif utama kurikulum pembinaan semula sosial untuk mendedahkan pelajar kepada cabaran, ancaman, halangan atau gangguan yang dihadapi oleh manusia. Cabaran-cabaran ini adalah bidang kajian sosial yang perlu dihampiri dari bidang-bidang lain seperti ekonomi. Masalah komuniti adalah universal dan ini boleh dipelajari dalam kurikulum dan dikaitkan dalam pembelajaran.

Seterusnya, komponen kedua yang terkandung di dalam model kurikulum tersebut adalah masalah-masalah sosial. Aktiviti pembelajaran berpusat masalah sosial dapat dilakukan ke dalam kegiatan pertanyaan atau persoalan. Kegiatan seperti ini mendedahkan pelajar untuk mengaitkan masalah keadaan sekeliling dengan pembelajaran sesuatu subjek. Menerusi kegiatan yang dilaksanakan di dalam model ini ianya memberi kesan secara langsung terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan tidak hanya fokus kepada teoritikal semata-mata. Oleh itu, pendidik, pelajar dan masyarakat mempunyai peranan penting dan sekaligus mempunyai hubungan secara langsung bagi menjayakan model ini.

Bagi komponen terakhir yang terkandung di dalam model kurikulum pembinaan semula sosial adalah corak organisasi. Di peringkat sekolah menengah, corak organisasi kurikulum diatur umpama roda. Di tengah-tengahnya sebagai pivot, masalah dipilih sebagai tema utama dan dibincangkan. Justeru, pihak-pihak yang terlibat perlu memberikan perhatian yang serius terhadap isu sesuatu subjek pendidikan yang mengandungi masalah sama ada dari struktur pengajaran atau lain-lain. Tindakan awal dan drastik perlu dilaksanakan bagi mengatasi kesan buruk kepada lapisan masyarakat termasuk pelajar dan pendidik. Pihak-pihak yang terlibat perlu cakna dan bertindak dengan pantas.

PENGUNAAN MODEL KURIKULUM DALAM PENDIDIKAN EKONOMI ISLAM

Rajah 1: Kerangka Konseptual Model Kurikulum Pendidikan Ekonomi Islam



Berdasarkan Rajah 1, ketiga-tiga model kurikulum tersebut membantu pendidikan ekonomi Islam menjadikan mata pelajaran yang tidak dipandang remeh oleh masyarakat dan pelajar. Pendidikan ekonomi Islam sangat penting kerana menekankan konsep ekonomi daripada perspektif syariah. Hasil dari penggunaan ketiga-tiga model yang ditunjukkan di dalam rajah, pendidikan ekonomi Islam dapat melahirkan pelajar atau graduan yang kompetensi dan mempunyai intelektual serta kemahiran yang bagus dalam bidang ekonomi, perbankan dan kewangan Islam untuk memenuhi keperluan industri, penyelidikan dan pendidikan di dalam mahu pun di luar negara. Di samping itu, pendidikan ekonomi Islam juga membantu memenuhi keinginan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan perbankan dan kewangan Islam.

Penggunaan model kurikulum akademik, teknologi dan pembinaan semula sosial di dalam mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam menghasilkan pembelajaran yang memberi kefahaman yang jelas mendalam mengenai bidang ekonomi Islam serta menguasai kemahiran dan kaedah penyelidikan. Penggunaan model kurikulum ini di dalam pendidikan ekonomi Islam membantu pelajar untuk melakukan analisis yang kritis, menilai dan mensintesis idea baru serta berkomunikasi dengan komkriti bersepakaran dan masyarakat umum berkenaan bidang ekonomi. Sebagai contoh, penggunaan model kurikulum pembinaan semula sosial dalam pendidikan ekonomi Islam, membantu pelajar, masyarakat atau pelajar dewasa yang tidak memahami ekonomi dikaitkan dengan permasalahan persekitaran ekonomi yang dihadapi dengan teori pembelajaran. Hal ini menunjukkan pembangunan modal insan dilakukan dimana pembelajaran sepanjang hayat dilaksanakan secara berterusan.

Selari dengan itu, penggunaan model kurikulum teknologi dalam pendidikan ekonomi Islam membantu pelajar untuk melakukan proses pembelajaran secara penyelidikan dan seumpamanya. Banyak institusi yang memerlukan penyelidikan melalui penggunaan teknologi. Pembangunan kemudahan dalam sistem kewangan Islam semakin meningkatkan

dengan kehadiran institusi yang secara khususnya mengkaji berkaitan bidang ekonomi Islam dan perbankan Islam. Antara institusi yang dikenali dan terlibat adalah *International Centre for Islamic Finance Education* (INCEIF) pada 2006 dan institusi penyelidikan bertaraf antarabangsa *International Shariah Research Academy for Islamic Studies* (ISRA). Kedua-dua institusi ini bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan untuk memastikan seluruh komponen kewangan Islam patuh pada prinsip syariah dan menghasilkan pakar dan profesional yang bertaraf dunia dalam bidang perbankan dan kewangan Islam mengikut silibus yang telah diperkukuhkan dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, pendidikan ekonomi Islam sangat penting dan perlu melakukan pengstrukturkan atau penambahbaikan di dalam silibus kurikulum. Pendidikan ekonomi Islam bukan sahaja meliputi aspek ekonomi dan keagamaan semata-mata malah ianya meliputi pelbagai semuas aspek yang boleh diterapkan dan digunakan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, model kurikulum bagi mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam yang ditunjukkan di dalam Rajah 1 mampu menghasilkan individu yang berintelektual, berdaya saing, memenuhi keperluan pasaran dalam dunia pekerjaan dan menjadi modal insan yang berakhlak mulia. Ketiga-tiga model kurikulum tersebut dalam penggunaan mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam memberi impak kepada individu, masyarakat dan negara. Bagi impak terhadap individu, penggunaan ketiga-tiga model tersebut dapat menjadikan seseorang individu yang berpengetahuan luas dalam bidang ekonomi Islam dan menjadi hamba Allah yang patuh dan taat terhadap perintah-Nya. Ilmu ekonomi Islam tidak hanya pada ilmu duniawi semata-mata, malah ilmu ini mengajar mengenai ilmu akhirat. Penggunaan model-model tersebut dalam pendidikan ekonomi Islam membantu individu lebih memahami konsep ekonomi Islam dalam pelbagai sudut.

Impak terhadap masyarakat pula, penggunaan model kurikulum pembinaan semula sosial dalam pendidikan ekonomi Islam membantu menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan ekonomi sosial dalam kalangan masyarakat. Menerusi pembelajaran yang menggunakan model ini, ianya meningkatkan lagi ilmu ekonomi dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, impak terhadap negara adalah dimana pendidikan ekonomi Islam membantu melahirkan pekerja yang produktif dan inovatif dalam sektor-sektor tertentu yang dapat meningkatkan atau menjanakan pendapatan negara. Sebagai contoh, penggunaan model kurikulum membantu meningkatkan kualiti kandungan mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam serta memberi kesan positif terhadap pembentukan individu yang berpengetahuan dan melahirkan produktiviti yang bermutu di dalam pasaran pekerjaan dan akhirnya menghasilkan keuntungan kepada negara.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan model kurikulum dan pendidikan ekonomi Islam perlu menitikberatkan model kurikulum yang digunakan agar pada masa yang akan datang tidak berlakunya penutupan mata pelajaran bagi sesuatu subjek terutamanya pendidikan ekonomi Islam. Mata pelajaran pendidikan ekonomi Islam perlu diberi keutamaan di peringkat sekolah dan institusi pengajian kerana pendidikan mata pelajaran tersebut sangat penting bagi melahirkan individu yang berkualiti dan patuh pada syariat dan seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara yang berlandaskan agama Islam.

Rujukan

- Mubaroq, S. (2018). Konsep Kurikulum Rekonstruksi Sosial Dalam Menghadapi Pembelajaran Di Era Modern. 3(1):93-102.
- Taufiqurrahman. (2015). Kurikulum Rekonstruksi Sosial Berbasis Kearifan Budaya Sasak. *Seminar Nasional Teknologi Pendidikan UM*. 1(1):154-163.
- Beik, I, S. (2012). Model Kurikulum Pendidikan Ekonomi Islam Di Perguruan Tinggi Umum Dan Asia Tenggara. *Jurnal Ekonomi Islam Al-Infah*. 3(1):15-24.
- Piliyanti, I. (2012). Pendidikan Ekonomi Islam Di Indonesia: Pengalaman Pesantren Sidogiri Pasuruan Jawa Timur. *Jurnal Hukum Islam*. 10(2):221-240.
- Yamaoka, M., Asano, T. and Abe, S. (2010). Economic Education for Undergraduate Students in Japan: The Status Quo and Its Problem. *Journal of Asia-Pacific Studies*. 14:5-22.
- Borhan, J, T. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*. 27:93-107
- Ahid, N. (2006). Konsep Dan Teori Kurikulum Dalam Dunia Pendidikan. *Jurnal Pengajian Islam*. 1(1):12-29.
- Jusoh, M and Othman, J. (2001). Isu dan Hala Tuju Pendidikan Ekonomi Universiti di Malaysia. *Akademika*. 58:29-44.
- Adnyana, K. J., Lasmawan, I. W and Koyan, I, W. (2013). Pengaruh Model Pembelajaran Rekonstruksi Sosial Terhadap Keterampilan Berfikir Kreatif Dan Pemahaman Konsep IPS. *Jurnal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha Jurusan Pendidikan Dasar*.
- Yaakob, M, N. (2017). Pembangunan Model Kurikulum M-Pembelajaran Kursus Teknologi Dalam Pembelajaran Di Institusi Pendidikan Guru.
- Sukmadinata, N, S. (2015). Pengembangan Kurikulum Teori dan Praktik.
- Shuib, A, S. (2010). Reka Bentuk Kurikulum M-Pembelajaran Sekolah Menengah
- Alberty, H, B and Alberty, E, J. (1952). Reorganizing the High School Curriculum.
- Doll, R, C. (1974). Curriculum Improvement: Decision Making and Process.